



قوست قپليديقن دان قعاجين جاوي دان كتاب تراث

PUSAT PENYELIDIKAN DAN
PENGAJIAN JAWI DAN KITAB TURATH
KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN

MAKLUMAT PENGAJIAN SESI AKADEMIK 2023/2024

کندو و غن

Kandungan

• PENGENALAN	1
• VISI	1
• MISI	1
• MATLAMAT	1
• PROGRAM AKADEMIK	1
• DIPLOMA PENGAJIAN KITAB TURATH	2
• Syarat Kemasukan	2
• Tempoh Pengajian	2
• Bahasa Pengantar	2
• Struktur Kursus	2
• DIPLOMA PENGAJIAN KEMAHIRAN JAWI DAN KALIGRAFI ISLAM	3
• Syarat Kemasukan	3
• Tempoh Pengajian	3
• Bahasa Pengantar	3
• Struktur Kursus	3

Pengenalan

Penubuhan Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath adalah hasil cadangan daripada resolusi Seminar Serantau Kitab Turath yang telah dilaksanakan pada pada 19 dan 20 Zulkaedah 1431H bersamaan 27 dan 28 Oktober 2010M di Dewan Tarbiyah KUPU SB anjuran bersama Pusat Ilmu Teras (PIT) dan Fakulti Usuluddin Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Penubuhan pusat ini secara rasminya telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 16 Safar 1441H bersamaan 15 Oktober 2019M bersempena Majlis Konvokesyen Ke-9 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan sebagaimana titah baginda.

Kepada KUPU SB, Beta pernah bertitah mengenai 'Tulisan Jawi'. Pada hemat Beta, Tulisan Jawi tidak wajar dibebankan kepada KUPU SB sahaja, sedangkan ia menyangkut tanggungjawab semua. Kerana bukannya Tulisan Jawi itu, sama dengan Bahasa, merupakan jiwa dan identiti bangsa?

Selaku milik bersama, maka semua pihak, terutama pusat-pusat pengajian tinggi, wajarlah bergerak bersama-sama, bantu membantu untuk mendaulatkan warisan ini. Dan Beta, berdasarkan rasional ini, telah memperkenankan penubuhan Pusat Pengkajian Jawi."

(Petikan Titah sempena Majlis Konvokesyen Ke-9 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, pada 16 Safar 1441H / 15 Oktober 2019M)

Visi

Sebagai Pusat Sumber Jawi dan Kitab Turath yang Autoratatif bagi memperkasakan Tulisan Jawi dan Pengajian Kitab Turath di alam Melayu

Misi

- 1) Memartabatkan tulisan jawi dan kitab turath sama ada dalam penggunaan, penjagaan, penyelarasan, perkembangan dan penyebarannya di Negara Brunei Darussalam dan antarabangsa dalam bentuk kegiatan promosi, latihan, konsultasi dan khidmat nasihat.
- 2) Menjadi Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa bagi keperluan dan kepentingan masyarakat dan negara.
- 3) Mengembangluaskan budaya penyelidikan jawi dan kitab turath dalam kalangan tenaga akademik Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan khususnya dan para intelektual serta ahli-ahli akademik ugama umumnya.

Program Akademik

1. Diploma Pengajian Kitab Turath
2. Diploma Pengajian Kemahiran Jawi dan Kaligrafi Islam

DIPLOMA PENGAJIAN KITAB TURATH

SYARAT KEMASUKAN

1. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:

- Sijil Latihan Perguruan Ugama atau sebanding dengannya.
- Mana-mana kelayakan yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.

2. Lulus dalam ujian kelayakan.

TEMPOH PENGAJIAN

Sepenuh masa: 1 tahun (2 semester)

BAHASA PENGANTAR

Bahasa Melayu

Semester 1

Bil	Kod	Nama Kursus	Kredit
1	IT 01216	Hafazan Al-Qur'an	2
2	BA 02204	لغة القرآن للتربية الإسلامية	2
3	JK 02201	Kitab Turath Ulum Al-Qur'an	2
4	JK 02202	Kitab Turath Akhlak	2
5	JK 02203	Kitab Turath Aqidah I	2
6	JK 02204	Kitab Turath Feqh I	2
7	JK 02205	Kitab Turath Tasawwuf I	2
8	PD 02204	Multimedia Pendidikan Islam	2
Jumlah			16

Semester 2

Bil	Kod	Nama Kursus	Kredit
1	JK02206	Kitab Turath Ulum al-Hadith	2
2	JK02207	Kitab Turath Usul al-Feqh	2
3	JK02208	Kitab Turath Aqidah II	2
4	JK02209	Kitab Turath Feqh II	2
5	JK02210	Kitab Turath Nahu	2
6	JK02211	Kitab Turath Tasawwuf II	2
7	JK02212	Metod Pengajaran Kitab Turath	2
8	JK02213	Tahqiq al-Kutub dan Filologi	2
Jumlah			16

DIPLOMA PENGAJIAN JAWI DAN KALIGRAFI ISLAM

SYARAT KEMASUKAN

1. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:

- Sijil Latihan Perguruan Ugama atau sebanding dengannya.
- Mana-mana kelayakan yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.

2. Lulus dalam ujian kelayakan.

TEMPOH PENGAJIAN

Sepenuh masa: 1 tahun (2 semester)

BAHASA PENGANTAR

Bahasa Melayu

Semester 1

Bil	Kod	Nama Kursus	Kredit
1	IT 01107	Hafazan Surah Pilihan I	2
2	IT 01209	Asas Kemahiran Al-Quran	2
3	JT 01201	Kemahiran Jawi	2
4	BA 02204	لغة القرآن للتربية الإسلامية	2
5	BI 02200	English For Specific Purpose	2
6	JT 02202	Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan	2
7	JT 02203	Asas Kaedah Tulisan Khat Naskhi	2
8	PD 02204	Multimedia Pendidikan Islam	2
Jumlah			16

Semester 2

Bil	Kod	Nama Kursus	Kredit
1	IQ02208	Tadabbur Al-Quran	2
2	JK02220	Asas Pengajian Kitab Turath	2
3	JT02204	Jawi dalam Teknologi	2
4	JT02206	Asas Kaedah Tulisan Khat Thuluth	2
5	JT02305	Metod Mengajar Jawi	3
6	JT02407	Projek Akhir Seni Kaligrafi Islam	4
Jumlah			15

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

PUSAT PENYELIDIKAN DAN PENGAJIAN JAWI DAN KITAB TURATH

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,

Bandar Seri Begawan, BA 2111,

Negara Brunei Darussalam.

Tel: +673 2236277 Fax: +673 2225226

Email: info@kupu-sb.edu.bn, URL: www.kupu-sb.edu.bn

